

D631

R B327 DEB  
MAHATHIR - KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) -- KEMERDEKAAN AKAN SIA-SIA JIKA NEGARA BERGANTUNG KEPADA NEGARA LAIN UNTUK MEMPERTAHANKANNYA DARIPADA ANCAMAN MUSUH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI SINI MALAM INI.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID KEMENTAH DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TUGAS MEMPERTAHAKAN NEGARA MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB RAKYAT.

+JIKA TIDAK, KITA AKAN DAPATI NEGARA KITA DIJAJAH OLEH NEGARA LAIN SEPERTI YANG BERLAKU SEBELUM KITA MENCAPAI KEMERDEKAAN,+ KATANYA.

BELIAU YANG JUGA BEKAS MENTERI PERTAHANAN BERKATA SETAKAT INI, PARA ANGGOTA TENTERA TELAH MEMIKUL TANGGUNGJAWAB BESAR DALAM MEMPERTAHAKAN NEGARA DARIPADA ANCAMAN MUSUH TERUTAMA PENGANAS KOMUNIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA RAKYAT TIDAK HARUS MELUPAKAN PENGORBANAN PARA ANGGOTA TENTERA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM WALAUPUN KEBANYAKAN ANGGOTA TENTERA TERDIRI DARIPADA ORANG MELAYU YANG BERAGAMA ISLAM. -- LAGI.

2208MST 12 05 86

D632

R B328 DEB  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+SEBAGAI ORANG ISLAM KITA HARUS MENGHARGAI PENGORBANAN MEREKA AGAR MEREKA MENDAPAT GAMBARAN SEBENAR BAHAWA ISLAM ITU AGAMA YANG ADIL DAN BERTIMBANG RASA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMINTA PARA ANGGOTA TENTERA MEMBERIKAN KERJASAMA KEPADA MENTERI PERTAHANAN YANG BARU, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI SEBAGAIMANA YANG DIBERIKAN KEPADA BELIAU.

BELIAU BERKATA BELIAU TIDAK MENINGGALKAN TERUS SOAL PERTAHANAN NEGARA KERANA IA JUGA AMAT PENTING KEPADA BELIAU SEBAGAI MENTERI DALAM NEGERI.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, BERSEMBAHYANG MAGHRIB BERSAMA-SAMA DENGAN KIRA-KIRA 300 ORANG PARA JAMAAH DI MASJID ITU.

ANTARA YANG HADIR IALAH DATUK ABDULLAH DAN TIMBALANNYA, DATUK ABANG ABU BAKAR MUSTAPHA, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN ITU, TAN SRI MOHD YUSUF ABDUL RAHMAN, PANGlima ANGKATAN TENTERA, JENERAL TAN SRI GHAZALI CHE MAT. -- BERNAMA.

2217MST 12 05 86